



**TENDER UNTUK CENDERAMATA DAN HADIAH PERBADANAN TABUNG  
PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL BAGI TAHUN 2018**

**1. KENYATAAN AM / TAWARAN**

- 1.1 Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang **030201-Cenderamata Dan Hadiah ATAU 030299-Pembuat** untuk **Tender Cenderamata Dan Hadiah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional Bagi Tahun 2018** dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk tender berikut:-

Tajuk	Kategori	Kod Bidang	No. Dokumen	Tarikh Buka Tender	Tarikh Tutup Tender	Harga Dokumen Tender
Tender Untuk Cenderamata Dan Hadiah Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional Bagi Tahun 2018	Cenderamata Dan Hadiah  <u>ATAU</u>  Pembuat	030201  <u>ATAU</u>  030299	PTPTN 2018/T01	26 Februari 2018 (Isnin)	21 Mac 2018 (Rabu) sebelum jam 12.00 tengah hari	RM50.00
<ul style="list-style-type: none"> <li>Taklimat berkaitan tender akan diadakan pada 28 Februari 2018 (Rabu), jam 3.00 petang bertempat di Dewan Besar, Tingkat 1, Blok D Menara PTPTN, Megan Avenue II, Jalan Yap Kwan Seng, Kuala Lumpur.</li> </ul>						

- 1.2 Petender yang ingin memasuki tawaran di atas adalah dikehendaki mengemukakan Wang Pos / Kiriman Wang Pos / Bank Draf berharga RM50.00 (tidak dikembalikan) yang dibuat atas nama Ketua Eksekutif Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional sebagai bayaran Dokumen Tender. Sijil Pendaftaran Asal Kementerian Kewangan dan Sijil Taraf Bumiputera (jika syarikat bumiputera) hendaklah ditunjukkan semasa membeli Dokumen Tender dan salinannya hendaklah diserahkan untuk simpanan PTPTN.

- 1.3 Dokumen Tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Bahagian Perolehan, Tingkat 13A, Menara PTPTN, Blok D, Megan Avenue II, No.12 Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.**
- 1.4 Tender yang lewat dihantar tidak akan diterima / dilayan. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Tender yang dihantar.
- 1.5 Semua keterangan mengenai Tender ini atau butir-butir lengkap mengenai syarat-syarat dan penentuan perkhidmatan/bekalan perlu dikemukakan bersama-sama dokumen ini.
- 1.6 **Tawaran akan ditolak sekiranya gagal memenuhi mana-mana syarat dalam dokumen Tender.**
- 1.7 Pemilihan syarikat akan dibuat berdasarkan kebolehan dalam **memenuhi skop kerja dan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan serta anggaran kos yang ditawarkan** oleh petender dan hanya petender yang berjaya akan dihubungi.
- 1.8 Pihak PTPTN berhak menamatkan perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat pada bila-bila masa sekiranya :
  - a) Tidak mematuhi skop kerja;
  - b) Tidak memenuhi kriteria yang telah dipersetujui;
  - c) Tidak mengikuti spesifikasi yang ditetapkan.
- 1.9 Semua pertanyaan atau penjelasan boleh berhubung dengan pegawai-pegawai berikut :

**Bahagian Perolehan**

- |      |                                      |                   |
|------|--------------------------------------|-------------------|
| i.   | Encik Zubir bin Che Embi             | Tel: 03.2193.1015 |
| ii.  | Encik Muhammad Jihadullah bin Othman | Tel: 03.2193.1441 |
| iii. | Puan Rocida binti Ahmad              | Tel: 03.2193.1440 |

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional  
Bahagian Perolehan,  
Tingkat 13A, Menara PTPTN, Blok D, Megan Avenue II,  
No.12 Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur**